

PENGARUH BAHASA ROJAK DI MEDIA BAHARU TERHADAP BAHASA KEBANGSAAN

THE INFLUENCE OF BAHASA ROJAK IN NEW MEDIA TOWARDS THE NATIONAL LANGUAGE

Hidayah Shafiee¹

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: hdyashafie@gmail.com)

Ahmad Fahmi Mahamood²

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: fahmi@unimap.edu.my)

Abdul Rahman Abdul Manaf³

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: rahmanmanaf@unimap.edu.my)

Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob⁴

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: kastriafuddin@unimap.edu.my)

Abdul Jalil Ramli⁵

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: jalil@unimap.edu.my)

Zuraidi Ahmad Mokhdzar⁶

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: zuraidi@unimap.edu.my)

Jamsari Jamaluddin⁷

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: jamsari@unimap.edu.my)

Maskor Bajuri⁸

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: maskor@unimap.edu.my)

Mohd Erpi Mohd Ali⁹

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis
(Email: erpi@unimap.edu.my)

Accepted date: 11-03-2019

Published date: 11-07-2019

To cite this document: Shafiee, H., Mahamood, A. F., Manaf, A. R. A., Yaakob, T. K. S. T., Ramli, A. J., Mokhdzar, Z. A., Jamaluddin, J., Bajuri, M., & Ali, M. E. M. *International Journal of Law, Government, and Communication*, 4(15), 141-153.

DOI: 10.35631/ijlgc.4150015

Abstrak: ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ dan ‘Bahasa Menunjukkan Bangsa’ merupakan peribahasa Melayu untuk mananam pegangan dan jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peribahasa Melayu ini sering diuar-uarkan di media elektronik mahupun di media cetak. Kempen ini menegaskan bahawa bahasa adalah tunjang sesuatu bangsa. Usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan memerlukan sokongan padu dan komitmen daripadamasyarakat terutama pada era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Namun, dalam mereka terlalu asyik dan

lalai menggunakan media baharu, mereka sering menggunakan percampuran bahasa iaitu bahasa rojak dalam kehidupan seharian. Bahasa rojak adalah disebabkan sikap segelintir masyarakat yang tidak peka bahawa penggunaan bahasa kebangsaan kini kian terhakis disebabkan penggunaan bahasa rojak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh bahasa rojak di media baharu tehadap Bahasa Kebangsaan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang mana data diperoleh sepenuhnya menerusi temubual secara mendalam. Seramai 5 orang informan terlibat dalam kajian terdiri daripada pelajar Komunikasi Media Baharu, Universiti Malaysia Perlis.

Kata Kunci: Bahasa Rojak, Media Sosial, Remaja

Abstract: ‘*Bahasa Jiwa Bangsa*’ and ‘*Bahasa Menunjukkan Bangsa*’ is a Malay proverb to cultivate holdings and identity among Malaysian. This Malay proverb is often broadcast in electronic media or in print media. This campaign emphasizes that language is the cornerstone of race. Effort to uphold the National Language requires strong support and commitment from the community especially in the Information and Communication Technology (ICT) era. However, in the habit of using new media, they often use mixed language everyday. Mixed language is due to the attitude of some people who are not aware that the use of national language is become more eroded by use of mixed language. The purpose of this research is to study the influence of mixed language in the new media in the National Language. This study uses a qualitative study method where the data is obtained through interview. A total of 5 informants were involved in the study consisting of New Media Communication student, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Keywords: Mixed Language, Social Media, Teenagers

Pengenalan

Fenomena penggunaan bahasa yang bercampur dalam media sosial semakin berleluasa. Penggunaan bahasa yang bercampur atau bahasa rojak adalah suatu jenis penulisan atau percakapan di Malaysia yang didefinisikan sebagai campuran pelbagai bahasa dalam satu pertuturan. Dari sudut sejarahnya, bahasa rojak dikesan seawal Kesultanan Melayu Melaka apabila perdagangan antarabangsa ditubuhkan oleh Parameswara pada tahun 1402 di Melaka. Pelabuhan ini telah berjaya menarik pedagang yang secara keseluruhannya bertutur lebih 80 bahasa. Ekoran peristiwa ini, maka proses awal bahasa rojak dikatakan berlaku di Malaysia.

Penggunaan bahasa rojak sering digunakan oleh generasi Y dan ia semakin memberi kesan terhadap Bahasa Kebangsaan. Hal ini demikian kerana faktor yang mempengaruhi bahasa rojak ini begitu meluas digunakan oleh masyarakat pada masa ini. Bahasa berupaya mengangkat martabat sesuatu bangsa di mata dunia, selain daripada menggambarkan sahsiah seseorang individu. Perkara ini kerana bahasa yang santun dan beradab mencerminkan budi pekerti masyarakat yang mulia, peramah, bersopan santun dan berbudi bahasa. Di Malaysia, Bahasa Melayu menjadi alat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum tanpa mengira latar belakang dan perbezaan warna kulit. Dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia sudah termaktub bahawa kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia (*Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, 2006*). 2 ‘*Bahasa Jiwa Bangsa*’ dan ‘*Bahasa Menunjukkan Bangsa*’ merupakan peribahasa Melayu untuk menanam pegangan dan jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Peribahasa Melayu ini sering diuar-uarkan di media elektronik mahupun di media cetak. Kempen ini bermula pada sekitar tahun 1960-an dan ia masih berterusan sehingga kini. Kempen ini menegaskan bahawa bahasa adalah tunjang sesuatu bangsa. Seterusnya, atas tujuan yang sama, kempen ‘Cintai Bahasa Kita’ diperkenalkan sementara Bulan Bahasa Kebangsaan pula disambut setiap tahun iaitu pada bulan Oktober. Namun, kempen-kempen sebegini seolah-olah tidak memberi kesan kepada masyarakat Malaysia. Jika diperhatikan, makin ramai masyarakat yang tidak fasih sepenuhya dalam berbahasa Melayu terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar-bandar besar kerana mereka lebih gemar menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi. Mereka mendidik anak-anak kecil setiap perkara dalam sebutan bahasa Inggeris, sehingga si kecil tidak dapat bertutur dengan fasih dalam Bahasa Melayu. Pada zaman teknologi kini, penggunaan media baharu menjadi satu kepentingan dalam memudahkan kerja-kerja sehari-hari. Peningkatan teknologi dan perubahan zaman yang semakin pesat ini turut mempengaruhi ilmu-ilmu komunikasi ini. Perkara ini sememangnya dapat digambarkan apabila berlaku pertambahan ilmu komunikasi iaitu perubahan penggunaan media tradisional kepada media baharu. Media baharu secara umumnya mempunyai fungsi yang sama dengan media tradisional iaitu untuk memberikan informasi kepada penggunanya.

Medium ini untuk mendapatkan hiburan, sebagai alat untuk berkomunikasi serta kemudahan untuk memudahkan sesi pembelajaran (Kapita, 2014). Media baharu dapat menyampaikan informasi dan maklumat secara meluas dalam sesuatu populasi itu. Informasi yang disampaikan pula lebih cepat dan tepat dari satu masa ke satu masa. 3 Penggunaan media baharu seperti media sosial adalah sangat penting bagi mendapatkan bahan bacaan atau maklumat pada masa kini terutamanya dalam kalangan masyarakat. Penggunaan media baharu ini sememangnya menjadikan dunia pada abad ini semakin kecil atau lebih dikenali sebagai ‘global village’ kerana segala yang ingin dicari hanya di hujung jari. Hal ini demikian kerana media baharu sememangnya memberikan peluang kepada para pengguna untuk mengakses data atau maklumat dengan mudah. Kebiasaan pengguna menjadikan media sosial sebagai medium perantaraan untuk mereka berhubung dengan orang jauh atau berada di luar kawasan. Pada zaman dahulu, masyarakat perlu membuka buku, majalah, akhbar sebagai bahan bacaan dan sumber maklumat. Namun, pada masa kini hanya perlu mencari maklumat melalui telefon pintar dan media sosial. Walaubagaimanapun, bahasa yang digunakan dalam media sosial kebanyakannya adalah bahasa campuran dan juga istilah yang baru yang diwujudkan pada masa kini.

Pernyataan Masalah

Fenomena perkembangan teknologi komunikasi telah banyak mempengaruhi cara individu berkomunikasi. Kemunculan media baharu pada masa kini telah mempengaruhi cara masyarakat berkomunikasi. Oleh itu, pengguna daripada pelbagai latarbelakang budaya akan menggunakan peluang tersebut untuk turut serta dalam aktiviti komunikasi. Disebabkan itu wujudlah penulisan bahasa yang pelbagai di garis masa (timeline) media sosial masing-masing di mana pengguna bebas untuk menonjolkan persepsi, pendapat dan budayanya mengikut kesefahaman bahasa mereka. Maka wujudlah istilah-istilah bahasa yang baru atau moden serta percampuran Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris yang dirojakkan bagi menerangkan sesuatu fenomena dan situasi.

Menurut Fahmy (2017) dalam Berita Harian, penggunaan bahasa rojak secara berleluasa oleh stesen televisyen dan penerbitan akan membebankan tugas pendidik untuk memperbetulkan tatabahasa serta pemahaman Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abdul Adzis Abas berkata penggunaan Bahasa Melayu rojak yang menggabungkan Bahasa Inggeris dan berbunyi pelik memberi kesan jangka panjang

kepada pelajar. Meskipun stesen televisyen dan penerbitan berhak menggunakan Bahasa Melayu rojak kerana ia antara cara untuk menarik orang ramai menonton drama atau filem yang diterbitkan, namun ia akan memberi kesan bahasa kepada pelajar jika tidak dikawal. Pencemaran Bahasa Kebangsaan kini semakin berleluasa seperti di drama siaran televisyen dan revolusi bahasa di dalam perbualan sehari-hari masyarakat yang mencerminkan fenomena bahasa rojak. Daripada pertuturan harian sehingga kepada program-program televisyen, radio dan iklan pada masa kini semakin terdedah kepada bahasa rojak.

Malah sebahagian anggota pentadbiran kerajaan kita juga cenderung menggunakan bahasa rojak termasuk dalam ucapan di majlis rasmi dan sidang akhbar. Dalam kalangan artis dan selebriti kita penggunaan bahasa rojak semakin berleluasa terutama di laman akaun sosial media mereka. Ianya sudah menjadi satu amalan atau tabiat bagi mereka bercakap bahasa kebangsaan diselitkan dengan Bahasa Inggeris dan juga struktur bahasa yang disingkatkan. Seterusnya, bahasa kebangsaan tercemar disebabkan oleh penggunaan bahasa rojak. Sekiranya penggunaan perkataan ringkas ini dan bentuk pencemaran lain tidak ditangani, ia akan menyebabkan penggunaan bahasa rojak ini semakin berleluasa. Menurut Lee (2014), nasib dan masa depan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kian terhakis oleh sikap rakyat Malaysia. Perkara ini akan menyukarkan lagi usaha pihak berkuasa merealisasikan cita-cita menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu yang bermutu tinggi.

Sehubungan itu, aliran pertuturan bahasa rojak iaitu campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang mencerminkan ketidakyakinan terhadap Bahasa Melayu dan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul. Fenomena ini juga mencemarkan bahasa kebangsaan. Punca kewujudan bahasa rojak adalah disebabkan sikap segelintir masyarakat yang tidak peka bahawa penggunaan bahasa kebangsaan kini kian terhakis disebabkan penggunaan bahasa rojak. Menurut Aminudin (2013), bahasa rojak berpunca daripada segelintir masyarakat yang tidak petah bertutur dalam bahasa kebangsaan kemudian berlakunya bahasa rojak. Bahasa rojak dianggap sebagai kreatif dalam penggunaan sehari-hari. Hal ini demikian kerana ia memudahkan seseorang itu untuk menyampaikan maksud yang diungkapkan. Ia telah menjadi cabaran dalam revolusi bahasa. Jika tidak dibendung gejala bahasa rojak ini, berkemungkinan akan menjadi kebiasaan dan terhasilnya struktur bahasa yang menyimpang dari hukum tatabahasa sebenar.

Persoalan Kajian

1. Apakah istilah bahasa rojak yang sering digunakan oleh pelajar?

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti istilah bahasa rojak yang sering digunakan oleh pelajar.

Kepentingan Kajian

Di Malaysia, media baharu semakin hari semakin menjadi platform yang penting dalam kalangan masyarakat termasuklah golongan pelajar. Penggunaan bahasa pada masa kini juga semakin pelbagai sehingga menjadi bahasa rojak. Pengguna Bahasa Kebangsaan kepada semua masyarakat terutamanya golongan muda iaitu para pelajar. Oleh itu, berdasarkan kajian ini ianya dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pengaruh bahasa rojak terhadap Bahasa Kebangsaan pada masa kini dan akan datang. Selain itu, kajian juga boleh memberi sumbangan kepada bidang ilmu iaitu menjadi panduan kepada kajian yang akan datang.

Rekabentuk Kajian

Pendekatan yang digunakan adalah kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif adalah prosedur kajian yang menghasilkan data deskriptif seperti kata-kata yang tertulis atau lisan berdasarkan

informan yang dikaji. Pendekatan ini merupakan proses kajian dan memperoleh kefahaman berasaskan fenomena yang berlaku (Afriani, 2009). Menurut Hamzah (2010), kaedah kualitatif lebih memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerical walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian ini memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam proses komunikasi. Penyelidik kualitatif merupakan instrumen kajian. Reka bentuk kajian adalah digunakan untuk mengukur objektif kajian. Menurut Sabitha (2006) dalam penulisan Amutha (2012), reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses mengumpul, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan.

Reka bentuk penyelidikan juga menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat interens berkenaan pemboleh ubah yang dikaji. Menurut Kerlinger (1970) dalam penulisan Kamarul (2015), reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Menurut Mc Millan dan Schumacher 1984 dalam penulisan Kamarul (2015), ia juga merujuk kepada cara penyelidik mengendali kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca bias yang boleh menjelaskan daptatan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan prosedur penyelidikan mentadbir soalan temubual berkenaan dengan fenomena yang berlaku kepada sampel bagi memerihalkan pendangan pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tentang pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar.

Kaedah kajian ini mempunyai kelebihan iaitu penyelidik akan memperoleh sumber maklumat dari informan melalui tinjauan yang dibuat melalui temubual. Jawapan yang diperolehi akan lebih spesifik dan jelas berdasarkan tinjauan dan temubual yang dibuat. Kajian ini dijalankan keatas pelajar komunikasi media baharu di Universiti Malaysia Perlis. Seramai 5 orang informan telah di pilih secara rawak melalui penulisan yang di muat naik di akaun media sosial mereka. Selain itu, penggunaan bahasa yang digunakan semasa bertutur dengan rakan-rakan, pensyarah dan sewaktu pembentangan tugas di dalam kelas. Seterusnya, informan dipilih dan meminta izin untuk membaca tugas-tugas atau penulisan ilmiah individu mereka. Informan terdiri daripada negeri yang berbeza. Yang paling utama dalam pemilihan informan adalah mereka mestilah aktif dalam penggunaan media baharu, mempunyai pelbagai platform media baharu yang digunakan dan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi yang terbaru.

Pengumpulan Data


Pengkaji menggunakan teknik temubual mendalam untuk mengumpul data dalam kajian ini. Menurut Kamarul (2012), melalui kaedah ini pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara mendalami tajuk berdasarkan permasalahan kajian dan objektif yang ditetapkan. Beberapa kajian lepas dan isu semasa di akhbar berkaitan dengan tajuk kajian bahasa rojak di media baharu digunakan sebagai rujukan bagi membangunkan soalan temubual ini.

Analisis Data


Proses Analisis Data Kajian ini akan menggunakan data kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Proses dimulakan dengan mentranskrip data dalam bentuk Microsoft Word. Seterusnya, proses koding dijalankan mengikut tema dan subtema yang dikenalpasti. Menurut Braun dan Clarke (2006), terdapat 6 proses yang digunakan bagi menganalisis data tematik dalam penyelidikan.

Hasil Kajian

Bab ini membincangkan mengenai analisis data dan dapatan daripada 5 informan yang di pilih terdiri daripada kalangan pelajar yang sering menggunakan bahasa rojak di media baharu untuk tujuan kajian. Hasil kajian ini dibentangkan berdasarkan kepada subtema dan sub-subtema kajian. Sub-subtema kajian adalah terbentuk daripada tema pengaruh penggunaan bahasa rojak di media baharu terhadap Bahasa Kebangsaan. Merujuk Rajah 1, ianya adalah merupakan tema perbincangan yang melibatkan 4 subtema iaitu platform, istilah, faktor dan impak. Namun begitu, kertas penyelidikan ini akan membincangkan secara mendalam tentang subtema 2 iaitu istilah yang mempunyai sub-subtema seperti campuran bahasa Melyu dan bahasa Inggeris, kewujudan istilah baru dan campuran bahasa bangsa/loghat tersendiri.




Rajah 1: Tema Bahasa Rojak di Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan



Rajah 2: Sub-Subtema Istilah

Berdasarkan rajah 2, pendapat peribadi pelajar sendiri tentang istilah yang pernah dibaca dan digunakan oleh mereka sendiri untuk berkomunikasi di media baharu dan komunikasi bersemuka. Terdapat 3 sub-subtema di bawahnya iaitu campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, kewujudan istilah baru dan campuran bahasa bangsa tersendiri. Berikut merupakan contoh istilah yang telah dikelaskan oleh kefahaman informan berkaitan dengan bahasa rojak. Bagi mereka, bahasa rojak bukan sahaja melibatkan percampuran Bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris. Namun ianya melibatkan percampuran bahasa pelbagai jenis lagi termasuk percampuran dengan kewujudan istilah baru dan juga perkataan yang disingkatkan.



Rajah 3: Sub-subtema Campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Sub-subtema campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seperti yang dipaparkan pada rajah 3. Dapatkan perbincangan melalui temubual secara mendalam mendapati majoriti informan menyuarakan secara vokal bahasa kebanyakkan istilah bahasa rojak yang sering digunakan adalah campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ketika temubual berlangsung, kesemua informan telah menggunakan bahasa campuran iaitu campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Perkara ini telah menjadi fenomena bagi mereka untuk menggunakan percampuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Perkara ini dapat membuktikan lagi melalui sepanjang sesi temubual ini dijalankan, informan lebih gemar menggunakan percampuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berbanding menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya.

“Dari pandangan yang saya faham lah, bahasa rojak ni mix BM BI. Contoh istilah percampuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ni banyak. Sepanjang perbualan kita ni pun tak terkira yang dicampurkan. Lagi satu, takkan kita nak update status tulis ayat panjang-panjang.” (Informan 1)


“Bahasa rojak ini merupakan satu trending. Perkataan trending itu sendiri dah penunjukkan Bahasa Inggeris kerana dalam Bahasa Melayunya ialah tular. Ha! Nampak tak macam yang dimaksudkan? Kadang-kadang kita guna kata ganti diri pun dah gunakan bahasa rojak. Contoh, I dengan you. Kalau bahasa melayunya dulu saya dan awak. Tu pun boleh dikatakan rojak.” (Informan 3)

Dapatkan kajian ini disokong oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abdul Adzis Abas berkata penggunaan Bahasa Melayu Rojak yang menggabungkan Bahasa Inggeris dan berbunyi pelik memberi kesan jangka panjang kepada pelajar. Dapatkan kajian ini

juga disokong oleh Lee Lam (2014) bahawa sudah menjadi tabiat masyarakat apabila bercakap Bahasa Kebangsaan diselitkan dengan Bahasa Inggeris.

Jadual 1: Contoh Campuran Bahasa Melayu dan Inggeris

Istilah Campuran	Maksud
Panggilan <i>I</i> dan <i>You</i>	Panggilan saya dan awak/kamu
Kita nak <i>spread information</i> tu sangat mudah	Kita nak sebarkan maklumat itu sangat mudah
Lagipun, platform macam ni <i>free</i>	Lagipun, platform macam ni percuma
<i>It depends</i> pada <i>person</i> yang gunakan	Ianya bergantung kepada seseorang yang menggunakannya
Sebab <i>we want to follow trend</i>	Sebab kami mahu mengikuti gaya Semasa
<i>So</i> , takut dilabel <i>nerd</i> tu, kita guna ayat yang singkatan jelah	Jadi, takut dilabel skema tu, kita guna ayat yang singkatan jelah
Penggunaan <i>student</i> dan <i>lecturer</i>	Penggunaan pelajar dan pensyarah
Tak boleh acceptable	Tak boleh diterima
Yes, yes of course. Memang ada	Ya, ya semestinya. Memang ada
Kebiasaanya <i>mix</i> lah	Kebiasaanya campurlah
Saya menggunakan YouTube sebagai tempat <i>self-promoting</i>	Saya menggunakan YouTube sebagai tempat <i>self-promoting</i>
Selalu <i>stalk</i> orang	Selalu mengintip orang
Nak buat <i>assignment</i>	Nak buat tugas
Selalunya <i>chat</i> dengan <i>family</i> guna Whatsapp	Selalunya berbual dengan keluarga melalui Whatsapp
<i>Course</i> Komunikasi Media Baharu	Kursus Komunikasi Media Baharu
Di sebabkan artis banyak <i>upload</i> anak yang pandai <i>speaking</i> , masyarakat pun mendidik anak mereka juga.	Di sebabkan ramai artis memuat naik di media sosial anak yang pandai bercakap (berbahas inggeris), masyarakat pun turut mendidik anak mereka juga
Kau ni tak <i>up to date</i> lah	Kau ni tak mengikuti perkembangan semasa lah.
<i>After lunch hour</i> , jumpa saya	Selepas waktu rehat, jumpa saya
<i>Inform group</i> kamu, <i>before 12 submit full report</i> kepada saya	Beritahu kumpulan kamu, sebelum jam 12, hantar laporan penuh kepada Saya
<i>Nowadays</i> , orang dah tak kisah pun bahasa rojak ni. <i>It's normal.</i>	Kebelakangan ini, orang sudah tidak peduli pun bahasa rojak ni. Ianya seperti perkara biasa.



Rajah 4: Sub-subtema Campuran Bahasa Bangsa/Loghat Tersendiri

Seterusnya, rajah 4 memaparkan sub-subtema campuran bahasa bangsa atau loghat tersendiri. Percampuran bahasa ini adalah disebabkan mengikut bangsa di setiap Negeri ada di dalam Malaysia. Informan telah menyatakan bahawa mereka sendiri menggunakan bahasa bangsa dan loghat mereka sendiri untuk memudahkan mereka berkomunikasi. Informan kedua dan informan kelima berasal daripada Sabah. Kedua-duanya mengakui bahawa mereka lebih selesa untuk berbahasa dalam bahasa bangsa mereka sendiri berbanding Bahasa Melayu. Manakala informan keempat berasal daripada Perak dimana kawasan yang mempunyai loghat tersendiri iaitu loghat utara.

“Memang ada. Contohnya dalam kawasan kampong saya tulah, kami guna bahasa kami sendiri iaitu bahasa dusun. Bahasa tu digunakan dalam bangsa saya, Bangsa Dusun. Bahasa sendiri, bahasa slanga ni memang menjadi rutin dalam hidup. Kalau nak guna Bahasa Kebangsaan memang tak lah. Kebiasaan campuran bahasa kami sendiri dengan Bahasa Inggeris.” (Informan 2)

“Penggunaan bahasa tu memang Bahasa Melayu dan ada campuran loghat utara sikit dengan rakan-rakan. Kalau di rumah, mak tak berapa galakkan loghat utara sebabnya dia lebih tekankan untuk pakai bahasa formal.” (Informan 4)

“Saya guna bahasa bugis. So dia kat rumah kadang-kadang cakap bugis, kadang-kadang cakap kau aku macam kat Sabah. Contohnya kalau bahagian KK dia memang asal orang Sabah ni lah. Memang asal Kadazan Dusun tu. Loghat dia lagi okay lah menunjukkan orang Sabah tu. Tapi, area macam kawasan Sandakan ke, Tawau ke dia macam lebih kepada loghat-loghat dia macam Indon sikit.” (Informan 5)

Penyataan ini berdasarkan pengalaman informan sendiri kerana mempunyai bahasa daripada bangsa dan loghat Negeri tersendiri. Perkara ini disokong dari sudut sejarah bahawa bahasa rojak dikesan seawal Kesultanan Melayu Melaka apabila perdagangan antarabangsa di tubuhkan oleh Parameswara pada tahun 1402 di Melaka. Oleh hal yang demikian, setiap pedagang yang ada di situ mempunyai berlainan latar belakang dan pertuturan yang berbeza.

Jadual 2: Contoh Campuran Bahasa Bangsa/Loghat Tersendiri

Loghat	Maksud
Masuk duit dalam kocek.	Masuk duit dalam poket
Lo' lokka tega ko?	Nak pergi ke mana?
Hang minum ayaq apa?	Kamu minum air apa?
Awat hang teriak?	Kenapa kamu menangis?
Toksah duk bebai	Jangan nak marah
Sabau ler. Aku dah siap ni.	Sabarlah. Aku dah siap ni.
Ndak la aku	Taknak lah aku
Nanti kopekkan buah itu ea.	Nanti kupaskan buah itu ya.
Mu dok makang?	Kamu tak makan?



Rajah 5: Sub-subtema Kewujudan Istilah Baharu

Merujuk kepada rajah 5, ianya merupakan sub-subtema kewujudan istilah baru. Dapatan temubual yang telah dijalankan, didapati 3 informan yang telah menyuarakan pendapat terlah kewujudan istilah baru. Namun begitu, 2 daripadanya juga bersetuju tentang kewujudan istilah baru semasa temubual berlangsung.

“Kewujudan isilah baru yang famous sekarang saya boleh bagi contoh macam *pishang*. Kita faham ianya adalah buah pisang. Tapi sekelompok kumpulan lain faham istilah *pishang* itu dikira macam bosan.” (Informan 1)

“Bahasa yang baru diwujudkan contoh macam perkataan *pishang*, *makcik bawang*. Selain itu, macam perkataan-perkataan singkatan macam aku banyak “aq”. Perkataan-perkataan baru macam perkataan-perkaatan mencarut di media sosial cukup banyak. Contoh, ‘mak kauhijau’, ‘jubake’, ‘mukaze’. Jadi saya memang nak tekankan kat sini bahawa media sosial banyaklah benda-benda sebegini.” (Informan 4)

“Wujudnya makcik bawang lah. *kunyit* lah. Kunyit tu untuk lelaki lembut dorang kata. Lelaki lembut dengan kunyit? Apa kaitan? Tapi semua istilah baru tu wujud.” (Informan 5)

Masyarakat kini terutama generasi muda sering menggunakan istilah atau perkataan yang diwujudkan sendiri tanpa ada maksud dalam kamus atau bercanggah maksud

perkataan asal. Kebiasaan kewujudan istilah baru ini disokong oleh kajian Lee Lam (2014) iaitu bahasa rojak adalah pelbagai bahasa dalam satu bertuturan dan penggunaan perkataan yang diringkaskan atau istilah baru yang diwujudkan oleh golongan muda pada masa kini. Sehubungan dengan itu, istilah baru yang diringkaskan hanya golongan tertentu sahaja yang boleh memahami iaitu golongan yang mewujudkan istilah tersebut dan pengikutnya.

Jadual 3: Contoh Istilah Baru

Istilah Baru	Maksud
<i>Pishang</i>	Bosan
<i>Makcik Bawang</i>	Geng bergosip
<i>Membawang</i>	Mengumpat
<i>Kunyit</i>	Lelaki lembut dan lelaki yang suka kan lelaki
<i>Viral</i>	Tular
<i>Sis, Bro</i>	Akak, Abang
<i>Lu, Gua</i>	Kau, Aku
<i>Payung</i>	Belanja
<i>Chat</i>	Perbualan dalam talian
<i>Lekeh</i>	Sambil lewa
<i>Koyak</i>	Emosi atau sentap
<i>Mood swing</i>	Mood tidak berapa elok
<i>Hashtag</i>	Tanda berpagar (simbol yang digunakan untuk trending di media sosial)
<i>Trending</i>	Popular dan menjadi ikutan Ramai
<i>Raklu, pape roger</i>	Gerak dulu, ada apa-apa nanti Bagitahu
<i>GG</i>	Good game
<i>Ohsem la korang</i>	Terbaiklah kamu semua
<i>X</i>	Tidak
<i>P, Gi</i>	Pergi
<i>Btw</i>	By the way
<i>Fyi</i>	For your information
<i>OMG</i>	Oh my God
<i>Otw</i>	On the way
<i>SS</i>	Screenshot
<i>Selfie</i>	Ambil gambar sendiri
<i>Wefie</i>	Ambil gambar beramai-ramai
<i>Netizen sangat</i>	Masyarakat yang suka kritik dan memberi soalan negatif kepada seseorang individu
<i>Abam sado</i>	Lelaki yang berotot
<i>Hati sado</i>	Hati yang kental
<i>Krik krik krik</i>	Untuk menunjukkan suasana Sepi

Kesimpulan

Penggunaan istilah bahasa rojak yang begitu popular digunakan dalam aplikasi media sosial haruslah dikawal dan dikurangkan. Ini bagi mengawal penyalahgunaan frasa atau maksud ayat tersebut di samping dapat mengekalkan ayat-ayat dalam bahasa melayu itu sendiri. Istilah-istilah baru yang muncul hanyalah lebih kepada budaya semasa sedangkan ianya masih merujuk kepada maksud yang sama terhadap sesuatu ayat tersebut. Kesedaran tentang memelihara bahasa kebangsaan juga perlu diperhebat dan diperkasakan terutamanya kepada generasi muda yang didapati banyak menggunakan istilah-istilah baru tersebut. Kempen-kempen cintai bahasa kebangsaan perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi memelihara bahasa kebangsaan ini.

Rujukan

- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. (2006). Dilayari pada 12 Februari 2017, <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publication/LOM/MY/Akta%2032.pdf>.
- Amutha, T. (2012, Disember 19). *Reka Bentuk Kajian*. Dilayari pada 12 Februari 2017, http://dynamic5900.blogspot.my/2012/12/reka-bentuk-kajian_19.html.
- Cahyo, R. P. (2015, Jun 24). *Media Online / Media Baru (New Media) sudah termasuk dalam ilmu komunikasi massa*. Dilayari pada 14 Mac 2017, http://www.kompasiana.com/www.radencahyoprabowo.blogspot.com/mediaonline-Media-baru-new-media-sudah-termasuk-dalam-ilmu-komunikasimassa_552b264c6ea8340568552d00
- Daroah. (2013). *Meningkatkan kemampuan bahasa melalui metode bercerita dengan media audio visual di kelompok B1 RA Perwanida 02 Slawi*. Universitas Negeri Semarang, Kota Semarang Indonesia: Thesis Phd (Tidak diterbitkan).
- Daud, M. (2014). *Bahasa slanga dan remaja*. Dilayari pada 11 September 2017, Sinar online. www.sinar.com.my.
- Diah, K. (2014, Mac 25). *Pengertian jenis dan fungsi bahasa*. Dilayari pada 10 Jun 2017, <http://diahkusuma2012.blogspot.my/2014/03/pengertian-jenis-dan-fungsibahasa.Html>.
- Dijey, P. B. (2013). *Dampak penggunaan smartphone dalam pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi mahasiswa*. Universitas Sam Rantulangi, Jakarta, Indonesia: Thesis PhD (Tidak diterbitkan).
- Dixon, V. K. (2009). Understanding the Implications of a Global Village. *Inquiries Journal/Student Pulse*, 1(11).
- Febriana, W. S. (2012). *BAB II: Kajian Pustaka dan Kerangka Berpikir*. Dilayari pada 10 Jun 2017, <http://eprints.uny.ac.id/8590/3/BAB%202%20-%20008413244048.pdf>
- IKOM, P. (2018). Dilayari pada 12 Mei 2018, <https://ikom.unimap.edu.my>
- Ismail, B. (2012). *Kesan kaedah pengajaran multimedia interaktif dalam pengajaran seni visual*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia: Tesis PhD (Tidak Diterbitkan)
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul, S. M. (2018). *Reka bentuk kajian*. Dilayari pada 2 Jun 2017, <http://www.slideshare.net/wmkfirdaus/reka-bentuk->
- Kapita, S. (2014). *Media massa dan media baru*. Dilayari pada 3 Mei 2017, <http://kapsel-fikomuntar-gjl2014-kelasd3.blogspot.my/2014/09/media-massa-dan-media-baru.html>
- Kuang, C. &. (2008). Peralihan Kod yang Terpapar dalam Majalah Tempatan. *Journal of Modern Languages*, 18(1), 123-141. Dilayari pada 2 Mei 2017, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JML/article/view/3694>

- Lyndon, N. S. (2014). Pemerkasaan dengan media sosial: Aplikasi Facebook dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Malaysian Jurnal of Society and Space*, 10(1), 78-86.
- Mansor, A. (2013, Jun 12). *Bahasa 'sekerat ular sekerat belut'*. Dilayari pada 3 Mei 2017, Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/bahasa-sekerat-ulasekerat-belut-1.170069>
- Mochamad, W. H. (2015, November 29). *Pengguna Facebook dan Twitter di AsiaTenggara akan lampau AS*. Dilayari pada 20 Jun 2017, <http://tekno.liputan6.com/read/2376506/pengguna-facebook-dan-twitter-di-asiatenggara-akan-lampaui-as>
- Muhamad, D. M. (2016, April 17). *Kualiti Komunikasi dan Kualiti Emosi*. Dilayari pada Rencana-Utusan Online, www.utusan.com.my.
- Omar, N. I. (2017). *Bahasa slanga ancam keupayaan bertutur secaraformal*. Dilayari pada 2 Jun 2017, Berita Harian Online, www.beritaharian.com.my
- Rozannah, A. (2013). *Media online dan kreativitas anak muda: Studi pada pengunggah hijab tutorial di www.youtube.com*. Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Surabaya Indonesia: Thesis PhD (Tidak diterbitkan).
- Rziky, H. (2012). *BAB II: Kajian Teori*. Dilayari pada <http://eprints.uny.ac.id/9462/3/bab%202-08205244036.pdf>
- Shaktider. (2014, September 29). *New Media (Definisi, pandangan, manfaat, komponen, aplikasi dan menganalisa serta menjelaskan fitur dari new media)*. Dilayari pada 2 Jun 2018, <https://shaktidarikhwan.wordpress.com/2014/09/29/new-mediadefinisi-pandangan-manfaat-komponen-aplikasi-dan-menganalisa-sertamenjelaskan-fitur-dari-new-media/>
- Siti, E. m. (2010). Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(3), 37-52.
- Surbhi, S. (2015.). *Difference between verbal and nonverbal communication*. Dilayari pada 17 Mei 2017, <http://keydifferences.com/difference-between-verbal-and-nonverbal-communication.html>
- Syarief, H. (2015). *Mengenal 6 jenis media sosial*. Dilayari pada 17 Mei 2017, <http://yellowcabin.com/mengenal-6-jenis-media-sosial/>
- Tokjogho. (2013). *Senarai 30 laman web paling popular di Malaysia tahun2010*. Dilayari pada 2 Ogos 2017, <http://panduanpercuma.info/internet/4249/senarai-30-laman-web-paling-popular-di-malaysia-tahun-2010/>